

Pengaruh agen-agen kawalan sosial tidak formal dalam mewujudkan kesedaran dan sokongan untuk kekal pulih bekas pengguna dadah: Satu kajian literatur sistematik

Julie Tay Gek Hsia¹, Nur Hafizah Yusoff²

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

²Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekutuan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: Julie Tay Gek Hsia (email: julietay.gh@gmail.com)

Received: 19 September 2023; Accepted: 10 August 2024; Published: 29 August 2024

Abstrak

Kajian lepas menunjukkan bahawa salah satu punca yang menyebabkan bekas pengguna dadah kekal pulih adalah disebabkan kuatnya kawalan sosial daripada keluarga, khususnya ibu bapa dalam mempengaruhi keinginan mereka untuk tidak kembali menagih. Agen kawalan sosial tidak formal seperti ibu bapa, rakan, dan komuniti memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran dalam kalangan bekas pengguna dadah dan mempengaruhi keputusan mereka untuk kekal dalam pemulihan. Walaupun kepentingan agen kawalan sosial tidak formal diakui dalam membantu pemulihan, terdapat keperluan untuk pemahaman menyeluruh tentang pengaruh khusus mereka dalam mengekalkan pemulihan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis pengaruh agen kawalan sosial tidak formal ke atas pemulihan bekas pengguna dadah. Menggunakan pendekatan Kajian Literatur Sistematik (SLR), kajian ini memfokuskan kepada keperluan penyelidikan dan mengikuti tiga peringkat analisis artikel: pengenalan, saringan, dan kelayakan. Sehubungan dengan itu, hasil kajian menunjukkan bahawa ahli keluarga, rakan-rakan, dan komuniti mempunyai pengaruh yang dominan terhadap keputusan untuk kekal pulih oleh bekas pengguna dadah. Hasil kajian ini dapat memberi manfaat kepada pihak berkepentingan tentang amalan yang patut diterapkan oleh masyarakat selain daripada merangka strategi bagi membantu bekas pengguna dadah untuk pulih daripada pergantungan kepada dadah.

Kata kunci: Agen-agen sosial, kawalan sosial tidak formal, kekal pulih, pemulihan, penyalahgunaan dadah, sokongan sosial

The influence of informal social control agents in creating awareness and support for drug ex-users to maintain recovery: A systematic literature review

Abstract

Previous studies have shown that one of the reasons why ex-drug users remain in recovery is due to the strong social control from the family, especially parents in influencing their desire not to return to addiction. Informal social control agents such as parents, friends, and the community play an important role in raising awareness among ex-drug users and influencing their decision to remain in recovery. Although the importance of informal social control agents

is recognized in aiding recovery, there is a need for a comprehensive understanding of their specific influence in sustaining recovery. Therefore, this study aims to identify and analyze the influence of informal social control agents on the recovery of ex-drug users. Using a Systematic Literature Review (SLR) approach, this study focuses on research needs and follows three stages of article analysis: introduction, screening, and qualification. Accordingly, the results show that family members, friends, and the community have a dominant influence on the decision of ex-drug users to remain in recovery. The results of this study can benefit stakeholders by highlighting practices that should be applied by the community, in addition to formulating strategies to help former drug users to recover from drug addiction.

Keywords: Social agents, informal social control, sustained recovery, recovery, drug abuse, social support

Pengenalan

Penyalahgunaan dadah merupakan fenomena sosial yang serius di Malaysia. Oleh itu, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi membendung masalah ini daripada terus berlaku. Pemindaan Akta Dadah Berbahaya 1952 dan penggubalan akta baharu, iaitu Akta Penyalahgunaan Dadah dan Substan (bakal menggantikan Akta Bekas pengguna dadah Rawatan dan Pemulihan 1983) misalnya, menunjukkan tahap kesungguhan pihak kerajaan dalam menangani penularan penyalahgunaan dadah dalam kalangan masyarakat (Berita Harian, 2020). Umumnya, penyalahgunaan dadah dapat didefinisikan sebagai tindakan mengambil dadah seperti ubat-ubatan tanpa arahan ataupun preskripsi doktor serta penggunaannya bersifat patologi (menyebabkan kelainan mahupun abnormal) sehingga membataskan pergerakan aktiviti di rumah, sekolah, tempat kerja, dan persekitaran sosial (Eleanora, 2011). Pengambilan secara berlebihan akan menyebabkan pergantungan dan ketagihan terhadap penggunaan dadah. Terdapat beberapa jenis dadah yang sering digunakan di Malaysia seperti narkotik, penenang (*sedative*), peransang (*stimulant*), halusinogen, steroid, gam, petrol, daun ketum, dan ubat-ubatan (Haji Jamaludin, 2008; Abd. Halim & Mohd Muzafar, 2012; Agensi Antidadah Kebangsaan, 2020).

Sehubungan dengan itu, masalah penyalahgunaan dadah ini amat membimbangkan dan memerlukan penyelesaian segera. Selain itu, isu berkaitan relaps turut menjadi perhatian utama. Hal ini demikian kerana masalah relaps adalah kompleks dan memerlukan pengurusan yang intensif kerana bekas pengguna dadah mempunyai potensi yang tinggi untuk kembali menagih sekiranya tiada pengawasan ataupun kawalan. Kardita dan Diah (2017) menjelaskan bahawa relaps adalah satu bentuk tingkah laku menyimpang atau gejala ketidakupayaan individu untuk menjalankan fungsinya dengan baik dan berlaku secara progresif. Antara sebab utama individu berpotensi untuk menagih dadah semula adalah kurangnya ketegasan, keberkesaan diri, emosi yang negatif, dan tekanan rakan sebaya yang merupakan faktor paling dominan (Amat et al., 2020). Dalam pada itu, terdapat dua faktor yang mempengaruhi penagihan semula dadah yakni faktor internal dan faktor luaran (Kardita & Diah, 2017). Faktor dalaman datangnya dari dalam diri sendiri, manakala faktor luaran adalah dorongan dari luar seperti konflik interpersonal dan tekanan sosial (Imani et al., 2012). Kajian oleh Witkiewitz dan Marlatt (2004) mengenai pencegahan relaps menjelaskan bahawa faktor dalaman seperti keberkesaan diri, motivasi, keinginan, daya tindak, dan emosi serta faktor luaran seperti sokongan sosial dan sejarah keluarga sangat mempengaruhi relaps.

Oleh yang demikian, dalam upaya mencegah fenomena penyalahgunaan dadah, penting untuk menekankan peranan agen kawalan sosial tidak formal dalam membantu bekas pengguna dadah pulih sepenuhnya daripada terjebak dalam kancang dadah. Dari perspektif sosiobudaya,

tingkah laku individu dipengaruhi oleh peranan kumpulan sosial, ibu bapa, sekolah, dan media dalam menentukan sama ada tingkah laku tersebut diterima atau sebaliknya (Irwan, 2015). Oleh itu, untuk mengawal tingkah laku negatif, satu mekanisme yang sesuai dengan norma, nilai, dan undang-undang perlu diterapkan oleh masyarakat, iaitu kawalan sosial. Sehubungan dengan itu, kawalan sosial adalah satu mekanisme untuk mencegah penyimpangan sosial serta mendorong dan mengarahkan masyarakat untuk berkelakuan dan bersikap sesuai dengan norma dan nilai yang berlaku (Adilla, 2009).

Berdasarkanuraian tersebut, jelas bahawa kawalan sosial tidak formal amat mempengaruhi bekas pengguna dadah untuk kekal pulih. Namun, masih terdapat jurang yang jelas dari segi persepsi masyarakat yang negatif terhadap bekas pengguna dadah, sikap tidak peduli ahli keluarga, pengaruh persekitaran, pengaruh rakan, dan faktor-faktor lain dalam membantu proses pemulihan (Mohd Ibrani et al., 2022; Maehira et al., 2013; Muhd Dhamir et al., 2018; Irwan, 2015). Hal ini kerana, permasalahan yang berlaku dalam keluarga seperti kurang interaksi sesama keluarga, ahli keluarga yang bersikap agresif terhadap bekas pengguna dadah (pasangan), adik-beradik yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah, dan sebab-sebab lain menyebabkan mereka kembali menagih (Azizul et al., 2018). Situasi ini dikhuatiri menyebabkan bekas pengguna dadah akan relaps sekiranya tidak dibendung. Oleh itu, untuk membantu bekas pengguna dadah untuk bebas sepenuhnya daripada terlibat dengan penyalahgunaan dadah, kawalan sosial tidak formal yang ditegakkan oleh agen-agen sosial perlu diutamakan untuk mengawal tingkah laku serta mengembalikan ketertiban bekas pengguna dadah. Sehubungan itu, tumpuan artikel ini adalah untuk mengenal pasti sejauh mana agen-agen kawalan sosial tidak formal mempengaruhi bekas pengguna dadah dalam usaha mereka untuk pulih dan menghindari relaps.

Metodologi kajian

Untuk mendapatkan kajian literatur berkenaan agen kawalan sosial tidak formal dan kekal pulih serta tidak relaps, penggunaan *Systematic Literature Review* (SLR) digunakan seperti yang dinyatakan oleh Biolchini (2007), iaitu SLR ini adalah satu cara mengenal pasti, menilai dan mentafsir semua penelitian yang relevan sedia ada dengan pertanyaan, berserta dengan topik penelitian fenomena yang dikaji oleh peneliti. Oleh itu, kajian literatur sistematis dimulakan dengan beberapa kata kunci yang berasal daripada bidang yang ingin dikaji, iaitu penyalahgunaan dadah. Dalam pada itu, strategi yang khusus telah dilakukan bagi mendapatkan literatur yang sesuai dengan kehendak kajian. Hal ini demikian kerana, menurut Nightingale (2009), kajian literatur sistematis bertujuan mengurangkan berat sebelah dalam penulisan melalui analisis secara kritikal dan sintesis penemuan yang membawa kepada penemuan baharu.

Prosedur pencarian literatur

Dalam kajian literatur ini, kriteria inklusi dan eksklusi telah dikenal pasti terlebih dahulu sebelum pencarian literatur dilakukan. Menurut Mackenzie et al. (2012), kajian sistematis literatur hendaklah mengikut protokol yang ditakrifkan dengan jelas, yang mana kriteria telah dinyatakan dengan jelas sebelum membuat perbandingan terhadap sekumpulan literatur. Oleh itu, antara kriteria yang diambil bagi melakukan analisis ialah tempoh masa kajian yang telah dilakukan seharusnya berada dalam lingkungan masa lima tahun terkini, bermula pada tahun 2019 hingga 2024. Hal ini bertujuan mendapatkan data yang terkini dan membuktikan fakta bahawa topik yang dikaji masih menjadi trend dan mempunyai nilai pada masa kini. Seterusnya, pemilihan literatur terdiri daripada makalah sahaja. Di samping itu, kriteria yang

dikecualikan daripada dipilih ialah jurnal kesihatan seperti perubatan, kejururawatan, farmasi, dan bidang kesihatan. Selain itu, isu jurnal yang berkaitan dengan masalah sosial turut dikecualikan. Hal ini kerana kajian berkaitan dengan masalah sosial hanya melibatkan tingkah laku sosial yang menyimpang dalam kalangan remaja seperti merokok, ponteng sekolah, merempit, lepak, dan lain-lain. Oleh itu, Jadual 1 menunjukkan kriteria inklusi dan eksklusi dalam kajian sistematis ini.

Jadual 1. Kriteria inklusi dan eksklusi kajian sistematis

| Kriteria dipilih | Perkara |
|---------------------------|---|
| Tahun | 2019-2024 |
| Kategori artikel | Jurnal |
| Kriteria terkecualikan | Perkara |
| Perkara yang dikecualikan | Perubatan Kejururawatan Farmasi Bidang kesihatan |
| Kategori artikel | Buku, prosiding, dan tinjauan sistematis |
| Isu jurnal | Masalah sosial |

Seterusnya, strategi pencarian literatur dimulakan dengan merujuk kepada objektif penyelidikan sebagai panduan utama. Oleh yang demikian, carian yang dibuat akan memfokuskan instrumen yang melibatkan bekas pengguna dadah seperti kawalan sosial tidak formal, agen kawalan sosial tidak formal, kekal pulih, pemulihan, dan relaps. Untuk meluaskan carian, gabungan kata kunci Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris turut digunakan. Pencarian dalam pangkalan data dilakukan menggunakan istilah seperti “penyalahgunaan dadah”, “kawalan sosial tidak formal”, “relaps”, dan “kekal pulih”. Manakala, penggunaan istilah carian tertentu yang menggunakan bahasa Inggeris adalah seperti “*substance abuse*”, “*informal social control*”, “*relapse*”, dan “*recovered*”. Antara pangkalan data yang digunakan ialah *Scopus*, *WOS*, dan *MyCite*. Pangkalan data ini dipilih kerana ia menghimpunkan ribuan kajian literatur yang sistematik dan menyeluruh, serta mampu memudahkan pencarian literatur yang berkaitan. Jadual 2 di bawah menunjukkan strategi carian yang digunakan untuk mencari artikel menggunakan pangkalan data dengan kata kunci yang sesuai.

Jadual 2. Pangkalan data dan strategi carian


| Pangkalan data | Strategi carian |
|----------------|---|
| Scopus | TITLE-ABS-KEY (“substance abuse” OR “drug abuse” OR “substance use disorder”) AND (“social control” OR “informal social control”) AND (“family” OR “peers” OR “community”) AND (“recovery” OR “recovered” OR “relapse”) |
| WOS | TS= (“substance abuse” OR “drug abuse” OR “substance use disorder”) AND (“social control” OR “informal social control”) AND (“family” OR “peers” OR “community”) AND (“recovery” OR “recovered” OR “relapse”) |
| MyCite | TS= (“penyalahgunaan dadah” ATAU “pengguna bahan”) DAN (“kawalan sosial” ATAU “kawalan sosial tidak formal”) DAN (“ahli keluarga” ATAU “rakan sebaya” ATAU “komuniti”) DAN (“kekal pulih” ATAU “pemulihan” ATAU “relaps”) |

Oleh itu, jadual 3 di bawah menunjukkan bilangan artikel yang dipilih daripada pangkalan data yang berbeza, yang menggariskan sifat komprehensif tinjauan literatur bagi memastikan penerokaan topik penyelidikan yang menyeluruh dan meluas.

Jadual 3. Jumlah artikel yang dipilih berdasarkan pangkalan data

| Pangkalan data | Jumlah artikel terpilih |
|----------------|-------------------------|
| Scopus | 5 |
| WoS | 3 |
| MyCite | 5 |
| | 13 |

Sehubungan itu, pencarian literatur dengan kata kunci ini memperolehi jumlah jurnal yang agak tinggi. Namun demikian, setelah melalui proses saringan yang berpandukan kriteria pemilihan, sebanyak 305 artikel dianggap sesuai dengan tujuan penelitian. Kemudian, setelah mengenal pasti artikel yang sesuai, saringan (*screening*) dilakukan bagi mencari tajuk yang sama, menemukan hanya 132 artikel yang mempunyai tajuk mahupun permasalahan kajian yang sesuai dengan makalah ini. Setelah itu, proses kelayakan (*eligibility*) dilakukan bagi mencari kriteria yang sesuai dengan permasalahan kajian makalah ini. Saringan kelayakan dilakukan berdasarkan semakan ke atas tajuk, abstrak, jenis artikel, tahun penerbitan, dan penilaian penuh ke atas jurnal. Sehubungan dengan itu, hanya 13 artikel yang dikenal pasti memenuhi kriteria untuk diulas. Oleh itu, Rajah 1 menunjukkan carta alir bagi carian pangkalan data dan pemilihan bagi saringan jurnal.



Sumber: Diadaptasi daripada Moher et al., 2010

Rajah 1. Proses pemilihan artikel

Hasil dan perbincangan

Merujuk kepada Jadual 4, analisis literatur disusun mengikut lima kategori utama iaitu penulis, tajuk, sumber jurnal, agen kawalan sosial tidak formal, dan penemuan kajian. Jumlah keseluruhan kajian yang berkaitan dengan tema kawalan sosial tidak formal dan kekal pulih atau tidak relaps adalah sebanyak 13 jurnal. Setiap jurnal membincangkan pengaruh kawalan sosial oleh agen-agen kawalan sosial tidak formal dalam mempengaruhi individu kekal pulih dan tidak relaps. Penemuan kajian menunjukkan bahawa agen-agen kawalan sosial tidak formal dan kaedah kawalan sosial melalui sokongan sosial serta motivasi dapat mempengaruhi bekas pengguna dadah tidak relaps dan kekal pulih.

Jadual 4. Ringkasan literatur terpilih

| Penulis | Tajuk | Jurnal | Agen kawalan sosial tidak formal | Dapatan kajian |
|-------------------------|---|--|---|---|
| Hassan & Hamid (2019) | Mengenal pasti peristiwa pencetus kepulihan dadah dalam kalangan bekas pengguna bahan di Lembah Klang | Perdana: International Journal of Academic Research (Social Sciences & Humanities) | Ahli keluarga | Hasil kajian menunjukkan bahawa peristiwa pencetus boleh menyebabkan perubahan dalam pandangan bekas penagih dadah. Tiga faktor utama yang mempengaruhi transformasi perspektif (TP) responden adalah diri sendiri, keluarga, dan pengalaman kematian. Kejadian-kejadian ini akhirnya mendorong mereka untuk membuat perubahan. |
| Pettersen et al. (2019) | How social relationships influence substance use disorder recovery: A collaborative narrative study | Substance Abuse: Research and Treatment | Ahli keluarga, rakan sebaya, dan komuniti | Hubungan positif dan kawalan diri dalam menguruskan interaksi sosial adalah kunci untuk mengekalkan pemulihan. |
| Wan et al. (2020) | Sokongan serta peranan ahli keluarga dan masyarakat untuk penagih bebas dadah | Malaysian Journal of Youth Studies | Ahli keluarga dan komuniti | Hasil kajian mendapati sokongan sosial yang diperolehi daripada ahli keluarga dan sebilangan masyarakat telah memberi impak positif terhadap proses penyembuhan klien. |
| Lin & Zhou (2020) | Factors associated with the physical and mental health of drug users participating in community-based drug rehabilitation programmes in China | Health and Social Care in the Community | Komuniti | Perkhidmatan pemulihan berdasarkan komuniti mampu meningkatkan kesihatan dan mengelakkan kebergantungan terhadap dadah. Hal ini seterusnya mampu mengurangkan kadar relaps dalam kalangan bekas penagih. |
| Idris et al. (2020) | Faktor-faktor pencegahan fenomena relapse dalam kalangan pengguna dadah | Asian People Journal | Ahli keluarga | Sokongan emosi dan fizikal yang menyeluruh daripada ahli keluarga merupakan faktor penting dalam membantu individu yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Sokongan daripada masyarakat setempat juga memainkan peranan |

| | | | | |
|---------------------------|---|--|---|---|
| Smith et al. (2020) | The good, the bad, and recovery: Adolescents describe the advantages and disadvantages of alternative peer groups | Substance Abuse: Research and Treatment | Rakan sebaya | yang penting dalam memastikan pengguna dadah mendapat bantuan sepanjang proses pemulihan tanpa diskriminasi. Hasil kajian mendapati bahawa model rawatan sokongan yang positif dan persekitaran yang menyokong dapat membantu individu mengatasi ambivalensi serta kekal bermotivasi dalam proses pemulihan mereka. |
| Wu et al. (2021) | Do social bonds matter? Social control theory and its relationship to desistance from substance abuse in China | Journal of Drug Issues | Ahli keluarga | Ikatan sosial yang terbentuk daripada ikatan kekeluargaan, penglibatan, kepercayaan, dan sifat keibubapaan dipercayai mempengaruhi kebarangkalian untuk kekal pulih daripada penyalahgunaan dadah. |
| Hajiha & Ehsan (2021) | Qualitative analysis of family interactions with Iranian women with substance use disorder: From before becoming aware of addiction to consecutive relapses | Journal of Ethnicity in Substance Abuse | Ahli keluarga | Kajian ini menggariskan peranan kritikal keluarga dalam meningkatkan keberkesanan sokongan mereka terhadap pemulihan dan pencegahan relaps. Terdapat lima corak interaksi keluarga yang berbeza telah dikenalpasti, di mana corak-corak ini mempengaruhi respons dan pengurusan keluarga terhadap isu penyalahgunaan dadah. |
| Azahah & Bernadine (2022) | Self-help group experiences among members recovering from substance use disorder in Kuantan, Malaysia | Social Work with Groups | Rakan sebaya | Mekanisme kumpulan kendiri merupakan alat yang berharga dalam mengurangkan risiko relaps dan memberi sokongan kepada individu yang sedang dalam pemulihan daripada penyalahgunaan dadah dengan menyediakan sokongan berterusan sepanjang perjalanan pemulihan mereka. |
| Puteri et al. (2022) | Kesedaran komuniti terhadap penyalahgunaan dadah di Sabah: Pemberdayaan komuniti | Jurnal Kinabalu | Komuniti | Komuniti setempat mempunyai kesedaran yang tinggi mengenai bahaya penyalahgunaan dadah, peranan komuniti dalam pencegahan, dan usaha membanteras penyalahgunaan dadah. |
| Shafie et al. (2022) | Kekal pulih, faktor risiko, dan faktor pelindung dalam kalangan bekas pesakit penyakit penyalahgunaan dadah | International Journal of Social Science Research (IJSSR) | Ahli keluarga | Hasil dapatan kajian mendapati faktor pelindung iaitu keluarga memainkan peranan penting dalam memberi bimbangan dan motivasi kepada klien selepas keluar dari pusat pemulihan, bagi memastikan mereka kekal pulih daripada penyalahgunaan dadah. |
| Zeng & Chen (2022) | Associations of deviant peer affiliation with youths' substance use disorder abstention motivation: The mediating role of | Journal of Ethnicity in Substance Abuse | Rakan sebaya, ahli keluarga, dan komuniti | Penemuan kajian menyerlahkan kepentingan pengaruh rakan sebaya dan sokongan sosial dalam memberi motivasi kepada individu yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah untuk menjauhkan diri daripada penggunaan bahan terlarang. |

| | | | | |
|----------------------|--|------------------------|--------------|--|
| | perceived social support and the moderating role of collective identity | Harm Reduction Journal | Rakan sebaya | Hasil dapatan kajian menyerlahkan peranan penting yang dimainkan oleh pekerja sokongan rakan sebaya dalam proses pemulihan penyalahgunaan dadah. |
| Turuba et al. (2023) | "A peer support worker can really be there supporting the youth throughout the whole process": A qualitative study exploring the role of peer support in providing substance use services to youth | | | |

Perbincangan

Oleh hal yang demikian, peranan setiap agen kawalan sosial tidak formal seperti keluarga, rakan-rakan, dan komuniti setempat dipercayai menjadi motivasi utama bekas pengguna dadah untuk tidak relaps. Motivasi yang datang daripada faktor dalaman dan luaran mampu mempengaruhi bekas pengguna dadah untuk tidak relaps dan akhirnya kekal pulih. Faktor dalaman adalah daripada diri sendiri, manakala faktor luaran adalah hasil dorongan keluarga, orang terdekat dan undang-undang (Irwan, 2015). Rentetan daripada itu, antara sebab dominan bekas pengguna dadah tidak relaps adalah disebabkan keinginan diri sendiri, faktor keluarga, dan sokongan daripada rakan-rakan, serta masyarakat sekeliling (Hassan & Hamid, 2019; Pettersen et al., 2019; Lin & Zhou, 2019; Mohammad et al., 2020; Shafie et al., 2022; Turuba et al., 2023). Oleh itu, semakin tinggi sokongan sosial daripada agen-agen sosial serta kesedaran diri dalam seorang bekas pengguna dadah, semakin tinggi motivasinya untuk tidak kembali ke dalam pola penyalahgunaan dadah dan untuk terus kekal pulih (Zeng & Chen, 2022; Hajiha & Ehsan, 2021; Wu et al., 2021; Azahah & Bernadine, 2022).

Kawalan sosial keluarga

Peranan keluarga, khususnya ibu bapa, adalah meluas dan dominan dalam membantu anak-anak mereka bukan hanya melalui pendidikan tetapi juga dalam usaha untuk membebaskan mereka daripada penyalahgunaan dadah dan mencegah relaps. Seperti yang diketahui, keluarga merupakan sekumpulan individu yang paling dekat dengan bekas pengguna dadah dan berupaya mempengaruhi tingkah laku serta kesejahteraan mereka. Pengaruh ini telah dibincangkan dalam pelbagai kajian yang mengaitkan dinamik keluarga dengan permulaan penyalahgunaan dadah dan pencegahan relaps (Pettersen et al., 2019; Mohammad et al., 2020; Idris et al., 2020; Wan et al., 2020; Wu et al., 2021; Hajiha & Ehsan, 2021; Shafie et al., 2022; Zeng & Chen, 2022). Kajian-kajian tersebut membuktikan bahawa persekitaran keluarga memainkan peranan penting dalam membentuk laluan pemulihan individu dengan menawarkan sokongan emosi dan mengukuhkan tingkah laku positif yang penting untuk pemulihan jangka panjang.

Sehubungan dengan itu, sokongan daripada ahli keluarga adalah penting dalam proses pemulihan bekas pengguna dadah. Kajian oleh Wu et al. (2021) serta Hajiha dan Ehsan (2021) menunjukkan bahawa interaksi dan perhubungan keluarga yang positif menyumbang kepada kestabilan emosi dan pembentukan personaliti positif dalam diri individu. Dinamik sokongan ini penting dalam memupuk rasa nilai dan ikatan emosi yang mengukuhkan kepentingan peraturan di rumah dan membantu individu kekal bebas daripada penyalahgunaan dadah. Hal

ini kerana, ketiadaan sokongan keluarga boleh meningkatkan risiko relaps walaupun individu tersebut sedang menjalani pemulihan (Idris et al., 2020; Shafie et al., 2022). Sebaliknya, sokongan emosi dan praktikal daripada ahli keluarga memainkan peranan penting dalam meningkatkan daya tahan bekas pengguna dadah. Apabila individu merasa dihargai dan disokong, mereka lebih cenderung untuk komited dalam pemulihan mereka dan menolak godaan untuk menggunakan bahan terlarang semula (Pettersen et al., 2019; Wu et al., 2021; Shafie et al., 2022). Sokongan ini bukan sahaja menguatkan keazaman mereka tetapi juga membina asas yang kukuh untuk pemulihan yang berterusan. Ikatan emosi yang dipupuk melalui sokongan keluarga dapat menjadi penghalang yang kuat terhadap tekanan dan godaan yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah.

Dalam konteks ini, ibu bapa boleh memberikan pengaruh yang besar terhadap tingkah laku bekas pengguna dadah melalui perlaksanaan mekanisme kawalan sosial tidak formal, khususnya ganjaran dan pujian. Ganjaran seperti hadiah dan pujian berfungsi sebagai peneguhan positif serta memotivasi individu untuk terus berkelakuan baik sesuai dengan tingkah laku yang diingini (Muhammad Khairi & Azlina, 2021). Pendekatan ini jelas dinyatakan dalam pelbagai kajian yang menonjolkan keberkesanan ganjaran dalam menggalakkan tingkah laku yang baik dan mencegah relaps (Wu et al., 2021; Shafie et al., 2022). Kajian-kajian ini menjelaskan bahawa penggunaan peneguhan positif secara strategik dalam persekitaran keluarga boleh menjadi instrumen berkesan dalam menggalakkan pemulihan yang berterusan dan mengukuhkan komitmen untuk menjauhkan diri daripada penggunaan dadah (Kotaman, 2016). Oleh itu, dengan memberikan ganjaran, ibu bapa boleh mewujudkan persekitaran yang menyokong bagi mengukuhkan motivasi bekas pengguna untuk mengekalkan pemulihan mereka. Peneguhan positif ini bukan sahaja mengiktiraf kemajuan mereka tetapi juga membina harga diri dan mengukuhkan komitmen terhadap gaya hidup bebas dadah (Knyazev, 2010; Neale & Brown, 2016).

Kawalan sosial rakan sebaya

Seterusnya, rakan-rakan juga memainkan peranan penting dalam mengukuhkan kawalan sosial terhadap bekas pengguna dadah. Rakan bertindak sebagai sumber rujukan nilai dan norma untuk pembangunan dalaman individu, khususnya dalam hal penerimaan daripada orang lain yang memberi rasa dihargai. Rakan yang positif terdiri daripada mereka yang mampu membantu rakan untuk berhenti menggunakan dadah, kerana mereka menawarkan sokongan emosi dan sosial yang diperlukan untuk pemulihan yang berterusan (Badger & David, 2010). Dalam hal ini, Pettersen et al. (2019), Lin dan Zhou (2020), Smith et al. (2020), Zeng dan Chen (2022), serta Azahah dan Bernadine (2022) menekankan kesan mendalam daripada pengaruh, pengiktirafan, dan sokongan emosi daripada rakan-rakan dalam mencegah relaps dalam kalangan bekas pengguna dadah. Kajian-kajian ini menunjukkan bahawa penerimaan daripada rakan sebaya dalam persekitaran yang menyokong dapat meningkatkan nilai diri dan menggalakkan pematuhan kepada norma dan nilai masyarakat. Akibatnya, bekas pengguna dadah lebih cenderung mengamalkan dan mengekalkan tingkah laku positif, serta berusaha untuk menyelaraskan diri mereka dengan jangkaan kumpulan sosial mereka. Dinamik ini menekankan kepentingan penerimaan sosial dalam pemulihan, kerana individu terdorong untuk menyesuaikan diri dengan tingkah laku dan norma positif yang dipegang oleh rakan-rakan mereka (Gidugu et al., 2015).

Selain itu, Azahah dan Bernadine (2022) serta Turuba et al. (2023) turut menjelaskan bahawa sebahagian responden merasa terdorong untuk kekal dalam kumpulan bantu diri bagi meneruskan strategi pembelajaran dan mengekalkan pemulihan melalui sokongan rakan sebaya yang mempunyai pengalaman serupa. Ini menunjukkan bahawa pengalaman berkongsi dan sokongan dalam rangka kerja sosial yang positif boleh menjadi pendorong kuat untuk

pemulihan yang berterusan. Kajian ini juga menekankan bahawa walaupun hanya sebilangan kecil rakan yang memberikan sokongan, individu masih mampu berubah jika mereka menerima sokongan yang konsisten. Ini menonjolkan kepentingan kualiti persahabatan berbanding kuantiti, di mana dorongan berterusan daripada beberapa rakan positif boleh memicu perubahan berkekalan dalam diri bekas pengguna dadah (Averna & Hesselbrock, 2001). Seterusnya, pengiktirafan dan penerimaan daripada rakan berfungsi sebagai satu bentuk ganjaran sosial untuk mengukuhkan tingkah laku positif dan meningkatkan harga diri. Aspek ini penting kerana selaras dengan penemuan oleh Pettersen et al. (2019), Smith et al. (2020), Azahah dan Bernadine (2022), dan Turuba et al. (2023). Kajian-kajian lepas secara kolektif menunjukkan bahawa penerimaan oleh rakan selepas pemulihan adalah penting dalam mengekalkan motivasi dan komitmen terhadap gaya hidup bebas dadah. Penerimaan sedemikian bukan sahaja meningkatkan harga diri tetapi juga mengukuhkan keazaman untuk mematuhi norma dan tingkah laku masyarakat yang positif.

Namun demikian, pengaruh persahabatan negatif tidak boleh dipandang remeh. Zeng dan Chen (2022) menjelaskan bahawa kumpulan rakan sebaya yang negatif boleh memerangkap bekas pengguna dadah dalam kitaran penyalahgunaan bahan, menjadikannya sukar bagi mereka untuk mengekalkan pemulihan. Kesan buruk daripada bergaul dengan rakan sebaya yang terlibat dalam penggunaan dadah adalah jelas, kerana hubungan ini sering mengukuhkan tingkah laku yang berbahaya dan menjelaskan usaha pemulihan (Smith et al., 2020). Hal ini menunjukkan bahawa persekitaran sosial individu memainkan peranan penting sama ada membantu individu pulih atau kekal ketagih (Watts et al., 2023).

Kawalan sosial komuniti

Kawalan sosial melalui sokongan daripada komuniti setempat amat penting dalam proses pemulihan bekas pengguna dadah, menyediakan asas yang kukuh untuk penyepaduan semula yang berjaya dan mencegah penyalahgunaan bahan berulang. Stigma dan prasangka negatif daripada komuniti boleh menjadi halangan besar, menyebabkan perasaan terasing dan meningkatkan risiko relaps (Mohd Alif et al., 2018; Mohamad Hilmi et al., 202). Lin dan Zhou (2020) menjelaskan bahawa kegagalan untuk berintegrasi semula ke dalam masyarakat sering menyebabkan bekas pengguna dadah kembali kepada kumpulan sosial lama mereka, seterusnya meningkatkan risiko relaps. Stigma ini muncul dalam pelbagai bentuk, daripada sikap diskriminasi kepada penolakan secara terang-terangan, serta menghadkan peluang untuk kemajuan sosial (Siti Marziah et al., 2018; Juliana & Zhooriyati, 2020). Kajian oleh Wan et al. (2020) menggariskan isu ini dengan mendapati bahawa bekas pengguna dadah sering menghadapi diskriminasi yang ketara dalam bidang pekerjaan, memburukkan lagi perasaan terasing dan akhirnya menghalang proses pemulihan mereka.

Sehubungan dengan itu, pengekalan stigma negatif bukan sahaja mengasingkan bekas pengguna dadah tetapi juga menjelaskan keupayaan mereka untuk membentuk rangkaian sosial yang positif. Kajian oleh Idris et al. (2020) menekankan bahawa prasangka masyarakat dan sistem sokongan yang rapuh adalah faktor utama yang mendorong bekas pengguna dadah kembali relaps. Persepsi negatif ini menunjukkan keperluan untuk mengubah cara masyarakat mengendalikan isu ini, dengan menumpukan perhatian kepada penerimaan dan sokongan berbanding hukuman dan pengecualian (Carr & Stelle, 2019; Mayalagu et al., 2020). Selain itu, Pettersen et al. (2019), Wan et al. (2020), serta Zeng dan Chen (2022) turut menjelaskan bahawa tahap sokongan daripada jiran, majikan, dan komuniti memainkan peranan penting dalam memotivasi bekas pengguna dadah untuk meneruskan pemulihan dan mengelakkan relaps. Rangkaian sokongan yang komprehensif ini memupuk semangat kekitaan yang penting untuk mengekalkan pemulihan dalam jangka panjang. Oleh itu, penyediaan sokongan berterusan, seperti peluang pekerjaan, dapat mengukuhkan persekitaran positif ini (Ahmad et

al., 2021). Apabila bekas pengguna dadah berasa dihargai dan diterima oleh komuniti setempat, harga diri dan motivasi mereka untuk mengekalkan pemulihan akan meningkat dengan ketara (Hunter & Jason, 2022).

Di samping itu, perkhidmatan pemulihan berdasarkan komuniti muncul sebagai penyelesaian penting kepada cabaran ini. Lin dan Zhou (2000) mendapati bahawa perkhidmatan sosial komuniti secara signifikan meningkatkan kesihatan fizikal dan mental bekas pengguna dadah serta mengurangkan kadar relaps. Perkhidmatan ini menyediakan persekitaran berstruktur di mana individu boleh menerima sokongan perubatan, psikologi, dan sosial, serta memudahkan pemulihan dan integrasi semula ke masyarakat. Oleh itu, kejayaan program sebegini menekankan kepentingan pendekatan holistik untuk pemulihan, di mana penglibatan masyarakat adalah penting (Wan et al., 2020; Puteri et al., 2022).

Kesimpulan

Oleh itu, dalam upaya untuk mengelakkan bekas pengguna dadah daripada kembali kepada kebiasaan lama, penumpuan terhadap kawalan sosial perlu ditekankan dalam kalangan masyarakat. Melalui perbincangan di atas, jelas bahawa kawalan keluarga, rakan-rakan, dan komuniti dalam bentuk sokongan emosi, fizikal, dan pemberian ganjaran mampu meningkatkan keyakinan dan motivasi bekas pengguna dadah untuk mengekalkan gaya hidup yang sihat dan menghindari relaps. Selain itu, persepsi komuniti setempat perlu diubah supaya usaha bekas pengguna dadah untuk mengelakkan relaps adalah dihargai, diterima, dan disayangi oleh komuniti sekeliling. Dengan demikian, penemuan kajian mengenai pengaruh kawalan sosial oleh agen-agen kawalan sosial tidak formal dalam mencegah relaps ini boleh menjadi asas kepada pembuat dasar, termasuk Agensi Antidadah Kebangsaan, dalam merumuskan dasar berkaitan cara mengawal dan mengatasi masalah relaps. Pihak berkepentingan dan kaunselor di pusat pemulihan perlu memperbaiki program-program atau modul-modul yang mengambil kira peranan kawalan sosial tidak formal dalam membantu bekas pengguna dadah untuk kekal pulih setelah melalui proses pemulihan dan kembali resosialisasi di masyarakat. Oleh itu, bagi meningkatkan kajian pada masa depan, penyelidik seterusnya perlu meneliti lebih banyak jurnal antarabangsa yang mengkaji trend kawalan sosial tidak formal di luar negara untuk mencegah relaps. Selain itu, penyelidik berikutnya perlu lebih menumpukan kepada mekanisme kawalan sosial yang mempengaruhi pencegahan relaps, seperti jenis-jenis kawalan yang dilakukan oleh agen-agen kawalan sosial tidak formal untuk menghindari tingkah laku relaps.

Rujukan

- Abd. Halim, M. H., & Mohd Muzafer, S. M. R. (2012). *Pencegahan bekas pengguna dadah: Isu dan prinsip-prinsip pencegahan dalam bekas pengguna dadah*. Penerbit USIM.
- Adilla, N. (2009). Pengaruh kontrol sosial terhadap perilaku *bullying* pelajar di sekolah menengah pertama. *Jurnal Kriminologi Indonesia*, 5(1), 56-66.
- Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). (2020). *Buku maklumat dadah*. Kementerian Dalam Negeri.
- Ahmad, J., Taib, F., & Jan, A. (2021). Employment of ex-drug addicts as a corporate social responsibility initiative: The Malaysian employer's perspective. *Journal of Entrepreneurship and Business Innovation*, 8(2), 1-19.
- Amat, M. A. C., Ahmad, J., Jailani, O., Jaafar, W. M. W., & Zaremohzzabieh, Z. (2020). Relapse among drug addicts in East Coast Malaysia: A qualitative study of risk factors.

- International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 10(12), 432–447.
- Averna, S., & Hesselbrock, V. (2001). The relationship of perceived social support to substance use in offspring of alcoholics. *Addictive Behaviors*, 26(3), 363-374.
- Azahah, A. H. S., & Bernadine, W. (2022). Self-help group experiences among members recovering from substance use disorder in Kuantan, Malaysia. *Social Work with Groups*, 46(1), 51-67.
- Azizul, D., Wan Jaafar, W. M., & Mohd Khir, A. (2018). Faktor luaran relaps dalam kalangan penagih lelaki dewasa di *Cure and Care Service Centre*, Kuala Pilah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 3(2), 159–168.
- Badger, K., & Royse, D. (2010). Adult burn survivors' views of peer support: A qualitative study. *Social Work in Health Care*, 49(4), 299–313.
- Berita Harian Online. (2020). AADK sokong penggubalan Akta Baharu – Latifah. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/aadk-sokong-penggubalan-akta-baharu>
- Bioilchini, K. (2007). Guidelines for performing systematic literature review in software engineering. EBSE Technical Report, Keele University.
- Carr, P. B., & Steele, C. M. (2009). Inflexible perseverance in sense of community and social support among offenders. *Journal of Experimental Social Psychology*, 45(1), 853-859.
- Eleanora, F. N. (2011). Bahaya penyalahgunaan narkoba serta usaha pencegahan dan penganggulangannya (suatu tinjauan teoritis). *Jurnal Hukum*, XXV(1), 439-452.
- Gidugu, V., Rogers, E. S., Harrington, S., Maru, M., Johnson, G., Cohee, J., & Hinkel, J. (2015). Individual peer support: A qualitative study of mechanisms of its effectiveness. *Community Mental Health Journal*, 51(4), 445–452.
- Haji Jamaludin, H. A. (2008). *Modul & kaunseling bekas pengguna dadah*. UPM Press.
- Hajiha, Z., & Ehsan, H. B. (2021). Qualitative analysis of family interactions with Iranian women with substance use disorder: From before becoming aware of addiction to consecutive relapses. *Journal of Ethnicity in Substance Abuse*, 22(1), 238-259.
- Hassan, N. A., & Hamid, M. A. (2019). Mengenalpasti peristiwa pencetus terhadap kepulihan dadah dalam kalangan bekas bekas pengguna dadah di Lembah Klang. *Perdana: International Journal of Academic Research (Social Sciences & Humanities)*, 6(2), 1-10.
- Hunter, B. A., & Jason, L. A. (2022). Correlates of employment among men in substance use recovery: The influence of discrimination and social support. *Journal of Prevention & Intervention in the Community*, 50(2), 163–177.
- Idris, A., Shaffie, F., & Mariamdaran, S. D. (2020). Faktor-faktor pencegahan fenomena relapse dalam kalangan pengguna dadah. *Asian People Journal (APJ)*, 3(2), 161-168.
- Imani, Z., Sabetimani, M., & Ghojur, K. A. (2012). Study of the effectiveness of Cognitive Group Therapy in relapse prevention among substance abusers. *Asian Journal of Medical and Pharmaceutical*, 2(3), 47-52.
- Irwan, S. (2015). Faktor internal, motivasi, coping, mood dan relaps pada kasus pecandu narkoba. *Jurnal Kedokteran*, 4(1), 628-633.
- Juliana, J., & Zhooriyati, S. M. (2020). Self concept of female adolescents offenders in juvenile detention centers in Tangerang, Indonesia. *Jurnal Sains Sosial: Malaysian Journal of Social Sciences*, 5(1), 1-11.
- Kardita, P. M., & Diah, I. (2017). Cox regression untuk mengetahui besaran risiko terjadinya kekambuhan kembali (relaps) penyalahgunaan narkoba. *Jurnal Biometrika dan Kependudukan*, 6(2), 98-105.
- Kotaman, H. (2016). Impact of rewarding and parenting styles on young children's cheating behavior. *European Journal of Developmental Psychology*, 14(2), 127-140.

- Knyazev, G. G. (2010). Reward seeking as a predictor of drug use in youth: Effect of gender and social environment. *The Open Addiction Journal*, 3(1), 1–8.
- Lin, W., & Zhou, W. (2020). Factors associated with the physical and mental health of drug users participating in community-based drug rehabilitation programmes in China. *Health & Social Care in the Community*, 28(2), 584–590.
- Mackenzie, H., Dewey, A., Drahota, A., Kilburn, S., Kalra, P., Fogg, C., & Zachariah, D. (2012). Systematic reviews: What they are, why they are important, and how to get involved. *Journal of Clinical and Preventive Cardiology*, 1(4), 193-202.
- Maehira, Y., Chowdhury, E., Reza, M., Drahozal, R., Gayen, T. K., Masud, I., Afrin, S., Takamura, N., & Azim, T. (2013). Factors associated with relapse into drug use among male and female attendees of a three-month drug detoxification-rehabilitation programme in Dhaka, Bangladesh: A prospective cohort study. *Harm Reduction Journal*, 10(14), 1-13.
- Mayalagu, G., Ahmad, R., Zamani, Z., Amat, S., & Abu Bakar, A. Y. (2020, November 9-10). *Community perception and acceptance of former drug addicts* [Online conference]. 13th Annual International Conference of Education, Research and Innovation.
- Mohamad Hilmi, M. S., Paridah, M. A., Fara, H. M. S., Siti Norni, M. D., & Nur Azila, O. (2021). Faktor-faktor yang mempengaruhi relaps Orang Kena Pengawasan (OKP) dalam penagihan dadah: Kajian kes di Felda Keratong. *International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC)*, 10(2), 37-47.
- Mohd Ibrani, A. A., Mohamad Fauzi, A. L., & Mohd.Roslan, R. (2011). Fenomena pengulangan penagihan dadah dalam kalangan banduan belia di Penjara Pulau Pinang. *Malaysian Journal Youth Studies*, 4, 147-165.
- Moher, D., Liberati, A., Tetzlaff, J., Altman, D. G., & The PRISMA Group (2010). Preferred reporting items for systematic reviews and MetaAnalyses: The PRISMA statement. *International Journal of Surgery*, 8(5), 336-341.
- Mohd Alif, J., Siti Hajar, A. B. A., Jal Zabdi, M. Y., Khariyah, M. S., Noralina, O., & Zaiton, A. (2018). Kekurangan akses kepada jagaan lanjutan dan faktor-faktor risiko yang membawa kepada relaps dadah dalam kalangan bekas banduan. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 10(2), 34–44.
- Muhammad Khairi, N. E., & Azlina, A. (2021). Peranan keluarga dalam kawalan sosial tingkah laku devian mahasiswa. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 18(2), 162-180.
- Muhd Dhamir, A. A., Azlina, M. K., & Wan Munira, B. W. J. (2018). Faktor luaran relaps dalam kalangan penagih lelaki dewasa di Cure and Care Service Centre, Kuala Pilah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(2), 159-168.
- Neale, J., & Brown, C. (2016). We are always in some form of contact: Friendships among homeless drug and alcohol users living in hostels. *Health and Social Care in the Community*, 24(5), 557–566.
- Nightingale, A. (2009). A guide to systematic literature reviews. *Surgery (Oxford)*, 27(9), 381-384.
- Pettersen, H., Landheim, A., Skeie, I., Biong, S., Brodahl, M., Oute, J., & Davidson, L. (2019). How social relationships influence substance use disorder recovery: A collaborative narrative study. *Substance Abuse:Research and Treatment*, 13, 1-8.
- Puteri, H. M. A., Nurul, H. M. N., Habibie, I., Norzihan, A., & Azreel, A. A. A. (2022). Kesedaran komuniti terhadap penyalahgunaan dadah di Sabah: Pemberdayaan komuniti. *Jurnal Kinabalu*, 28, 250-265.
- Shafie, A. A., Rahimi, M. K. A., Mohd Shukor, N., Mohamad Yasid, A. F., & Yunus, A. (2022). Kekal pulih, faktor risiko dan faktor pelindung dalam kalangan bekas pesakit

- penyakit bekas pengguna dadah. *International Journal of Social Science Research*, 4(1), 58-76.
- Siti Marziah, Juliana, R. J., & Nor Hazila. (2018). Employment issues among ex-offenders: Difficulties in securing employment and barriers of employment. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 5(Oct), 8-12.
- Smith, N. Z., Vasquez, P. J., Emelogu, N. A., Hayes, A. E., Engebretson, J., & Nash, A. (2020). The good, the bad, and recovery: Adolescents describe the advantages and disadvantages of alternative peer groups. *Substance Abuse:Research and Treatment*, 14(5), 117822182090935.
- Turuba, R., Toddington, C., Tymoschuk, M., Amarasekera, A., Howard, A. M., Brockmann, V., Tallon, C., Irving, S., Mathias, S., Henderson, J. L., & Barbic, S. (2023). "A peer support worker can really be there supporting the youth throughout the whole process": A qualitative study exploring the role of peer support in providing substance use services to youth. *Harm Reduction Journal*, 20(1), 118.
- Wan, N. N., Mohammad, M. H., Farah, H. A., & Wan Munira, W. J. (2020). Sokongan serta peranan ahli keluarga dan masyarakat untuk penagih bebas. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 23, 98-113.
- Watts, L., Abo, H. E., Bedewy, D., & Moustafa, A. (2023). A meta-analysis study on peer influence and adolescent substance use. *Current Psychology*, 43, 3866-3881.
- Wu, G., Liu, J., Boateng, F. D., Cui, S., & Shuai, H. (2020). Do social bonds matter? Social control theory and its relationship to desistance from substance abuse in China. *Journal of Drug Issues*, 5(1), 60-67.
- Witkiewitz, K., & Marlatt, G. A. (2004). Relapse prevention for alcohol and drugs problems. *American Psychologist*, 59(4), 224-235.
- Zeng, X., & Chen, Y. (2022). Associations of deviant peer affiliation with youths' substance use disorder abstention motivation: The mediating role of perceived social support and the moderating role of collective identity. *Journal of Ethnicity in Substance Abuse*, 21(2), 402-424.